

Definisi dan Tipologi Istilah Politik Laskar Siber di Malaysia

NURUL IWAN
NORHAFIZA MOHD HED
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

ABSTRAK

Politik laskar siber adalah istilah yang merujuk kepada aktivis yang dibayar bagi menyebarkan propaganda politik di media. Kemunculan gerakan laskar siber ini dilihat signifikan pada Pilihan Raya Umum ke-12 dan semakin aktif pada Pilihan Raya ke-14. Sejalan dengan perkembangan ini, isu politik laskar siber ini mula mendapat perhatian sarjana yang mengkaji tentang kewujudan dan perannya dalam konteks politik di Malaysia. Namun, kajian berkaitan pendefinisian istilah politik laskar siber ini masih terhad sehingga istilah ini turut disamakan dengan konsep 'netizen' dan jaguh siber. Ketiadaan definisi yang sesuai bagi menggambarkan laskar siber di Malaysia menyebabkan wujudnya stigma negatif dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, kajian ini menganalisis definisi dan tipologi politik laskar siber di Malaysia dengan menggunakan kerangka konseptual *political astroturfing*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi instrumen temu bual bersama 10 informan yang terdiri daripada golongan akademik, laskar siber dan aktivis politik serta kajian perpustakaan. Berdasarkan analisis tematik, dapatan menunjukkan definisi istilah laskar siber merujuk kepada pihak yang diupah menjadi agen perantara antara pemimpin dengan rakyat untuk menyampaikan sesuatu isu yang boleh mempengaruhi pemikiran masyarakat di media sosial. Terdapat beberapa tipologi laskar siber yang dikenal pasti antaranya ialah kumpulan ini melakukan kerja secara terancang dan teratur menggunakan akaun palsu untuk menutup identiti asal mereka, menerima upah dan memanipulasi berita di media sosial. Secara keseluruhannya, kajian ini telah membangunkan kerangka konsep dan tipologi politik laskar siber di Malaysia bagi memahami dengan lebih mendalam peranan mereka. Kajian ini diharapkan dapat mewujudkan kesedaran dan pemahaman masyarakat tentang kewujudan politik laskar siber di negara ini.

Kata kunci: *Politik laskar siber, definisi, tipologi, kualitatif, Malaysia.*

Definition and Typology of the Term Political Cybertroopers in Malaysia

ABSTRACT

Political cyber-troopers is a term that refers to activists paid to spread political propaganda in the media. The emergence of the cyber-troopers movement was seen to be significant in the 12th General Election and became more active in the 14th Election. In line with this development, the issue of political cyber-troopers began to gain the attention of scholars who studied its existence and role in the political context in Malaysia. However, studies on defining the term politics cyber-troopers are still limited. Thus, this term is equated with netizens and keyboard warriors. The lack of a suitable definition to describe cyber-troopers in Malaysia causes a negative stigma in the community. Therefore, this study analyses the definition and typology of political cyber-troopers in Malaysia using the conceptual framework of political astroturfing. This study uses qualitative methods through interview instruments with ten informants consisting of academics, cyber-troopers and political activists, and library research. Based on thematic analysis, the findings define cyber-troopers as intermediaries between political leaders and people, hired to shape public perception via social media. Various typologies of cyber-troopers identified, such as those using fake accounts for anonymity,

receiving wages, and manipulating news on social media. This study has developed a conceptual framework and political typology of cyber-troopers in Malaysia to understand their roles better. This study is expected to create public awareness and understanding of the emergence of political cyber-troopers in this country.

Keywords: *Political cyber-troopers, definition, typologies, qualitative, Malaysia*

PENGENALAN

Kepesatan teknologi hari ini berjaya mewujudkan media sosial sebagai satu transformasi dalam dunia digital. Kemunculan laman Web 2.0 telah membolehkan pengguna berinteraksi dan berkolaborasi antara satu sama lain sebagai pencipta kandungan dalam komuniti maya seperti Facebook, YouTube, Flickr dan sebagainya. Ia berbeza dengan generasi pertama laman Web 1.0 di mana individu hanya terhad melihat kandungan secara pasif (Blank & Reisdorf, 2012). Oleh itu, media sosial menjadi mekanisme penting kepada masyarakat khususnya pemimpin politik. Ramai sarjana menyatakan bahawa parti atau pemimpin politik yang menguasai media mempunyai kelebihan untuk memenangi pilihan raya (Arugay, 2022; Samsudin, 2018). Oleh itu, parti-parti politik mula menumpukan kepada kempen siber atau menggunakan platform media sosial untuk berkomunikasi dan menyalurkan maklumat kepada masyarakat, khususnya pengundi. Aktivisme politik siber yang meluas ini akhirnya memunculkan amalan laskar siber di Malaysia.

Di Malaysia, sejarah awal kemunculan gerakan laskar siber ini tidak dapat diketahui dengan jelas. Menurut Cheong (2021), perbincangan tentang laskar siber kali pertama dilaporkan dalam akhbar melibatkan pembentukan aktivis siber oleh sayap Pemuda UMNO pada tahun 2004. Laskar siber ini ditubuhkan sebagai tindak balas terhadap dakwaan, fitnah dan isu yang dimainkan oleh parti pembangkang. Namun, seawal tahun 1998, laskar siber telah mula digerakkan sejajar dengan era reformasi politik. Kumpulan ini beroperasi di dalam talian menerusi blog dan laman sesawang. Pada waktu itu, media siber digunakan secara aktif oleh pendokong reformasi dan parti politik pembangkang kerana media konvensional dikawal sepenuhnya oleh kerajaan, berlainan dengan media siber yang dikawal oleh rakyat dan berupaya untuk menjadi semak dan imbang kepada media arus perdana (Chomsky & Herman, 1994). Jika dilihat, dalam beberapa siri pilihan raya yang lalu, terutamanya sejak tahun 2008, gerakan laskar siber ini semakin berkembang hingga mampu mengubah perspektif masyarakat terhadap sesebuah parti atau pemimpin politik (Tapsell, 2008). Malah, hampir kesemua parti politik mempunyai kumpulan laskar siber mereka sendiri. Laskar siber ini diupah bagi melancarkan perang saraf siber menerusi penyebaran maklumat palsu dan provokasi negatif bagi menjatuhkan pihak lawan. Misalnya, salah satu punca kekalahan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 2018 adalah disebabkan oleh peranan laskar siber yang memainkan isu semasa seperti 1MDB, sekali gus mempengaruhi persepsi pengundi (Tiung et al., 2019).

Gerakan laskar siber ini mempunyai kebaikan dan keburukannya di Malaysia. Dari satu sisi, jentera siber ini merencanakan ruangan siber dengan pelbagai informasi politik secara terus kepada masyarakat. Keadaan ini dilihat sangat baik di mana ia dapat meningkatkan kesedaran politik masyarakat. Namun, dari sisi lain, kewujudan gerakan ini memberi ancaman kepada keselamatan negara dan mampu mengganggu gugat keharmonian masyarakat terutamanya apabila melibatkan isu berkaitan kaum, agama, dan raja atau 3R (*Race, Religion dan Royalty*). Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengenakan pengawasan dan penapisan siber ke atas akaun dan kandungan media sosial individu yang menimbulkan

sensitiviti politik, kaum dan agama di Malaysia di bawah akta-akta seperti Akta Hasutan (1948) dan Akta Komunikasi dan Multimedia (1998). Namun, kerajaan menghadapi kesukaran untuk mengenakan tindakan ke atas laskar siber. Ini kerana kebanyakan laskar siber ini menggunakan identiti dan akaun palsu sehingga menyukarkan pihak berkuasa untuk mengesan mereka, sekali gus tiada tindakan yang boleh dilakukan bagi menghalang penularan maklumat palsu ini. Selain itu, tiada pendefinisian yang jelas berkaitan istilah laskar siber oleh sarjana sehingga menyebabkan istilah laskar siber ini sering dikaitkan dengan netizen, jaguh siber, makcik bawang dan sebagainya. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti definisi laskar siber, menganalisis tipologi laskar siber berdasarkan kepada tiga elemen utama iaitu aktor, sasaran dan tujuan, serta memahami matlamat sebenar laskar siber dalam konteks Malaysia menerusi analisis tematik dari pendekatan kualitatif. Kajian empirikal ini penting bagi menjelaskan definisi istilah politik laskar siber di Malaysia dan menganalisis dengan lebih lanjut sama ada konsep laskar siber ini adalah selari dengan istilah *astroturfing*, *political bots*, atau *political sock puppets* yang diguna pakai di negara lain.

KAJIAN LITERATUR

Kebangkitan laskar siber ini tidak hanya berlaku di Malaysia sahaja, tetapi ianya adalah suatu fenomena global. Di negara-negara maju, amalan laskar siber ini dikenali sebagai *political astroturfing*, *political bots*, atau *political sock puppets*. Kajian berkaitan *political astroturfing*, *political bots*, *political sock puppets*, atau *trolls* ini telah lama dan banyak dilakukan oleh para Sarjana di negara-negara maju seperti US, UK dan Korea. Kebanyakan kajian ini menjelaskan dengan mendalam berkaitan perbezaan istilah *political astroturfing*, *political bots*, dan *political sock puppets*. Walaupun kesemua istilah ini merujuk kepada kegiatan dalam talian yang digerakkan bagi tujuan politik iaitu untuk mempengaruhi perbincangan atau pendapat politik, namun setiap istilah ini mempunyai konsep dan bentuk yang berbeza bergantung kepada fungsi mereka. Misalnya, kajian Kovic et al. (2018) memfokuskan kepada pembentukan kerangka konseptual *political astroturfing* dan mekanisme tindak balas yang sesuai digunakan untuk mengurangkan impak kegiatan mereka. Mengikut definisi yang diberikan oleh Kovic et al. (2018), *political astroturfing* ini ialah satu bentuk aktiviti politik dalam talian yang dijelmakan sebagai aktiviti individu di mana aktor politik menggunakan khidmat individu lain untuk menggerakkan aktiviti ini. Kajian Walker (2014) juga mengkaji tentang konsep *political astroturfing*, di mana ia sering kali dilihat sebagai gerakan atau sentimen akar umbi yang tulen. Tetapi sebenarnya kegiatan yang dirancang dan disusun secara terpusat dari atas ke bawah. Definisi ini juga selari dengan hujah yang diberikan oleh Schoch et al. (2022) iaitu *political astroturfing* ini merujuk kepada kempen maklumat palsu yang diselaraskan secara berpusat menerusi penyamaran identiti. Selain itu, kajian Zerback dan Töpfl (2021) juga menjelaskan definisi serupa iaitu *political astroturfing* dalam talian ialah satu bentuk penyelewengan maklumat bertujuan untuk mencipta tanggapan palsu bahawa pandangan atau idea yang dibawa mendapat sokongan meluas dalam masyarakat.

Oleh itu, dalam erti kata lain, *political astroturfing* ini adalah strategi yang digunakan oleh aktor politik untuk mengelirukan masyarakat dengan maklumat palsu menggunakan identiti palsu atau identiti yang disembunyikan. Tujuannya adalah untuk memperdayakan sasaran mereka iaitu masyarakat bahawa kegiatan atau maklumat yang mereka sampaikan adalah benar atau sah. Berdasarkan daripada definisi yang diberikan oleh para sarjana ini, terdapat lima kriteria utama dalam *astroturfing* ini. Pertama, ianya merupakan kegiatan yang berlaku secara dalam talian atau internet. Kedua, kegiatan ini dimulakan oleh aktor politik,

bukan rakyat biasa. Selain itu, aktiviti *astroturfing* ini adalah sesuatu yang tidak jujur atau hanya dibuat-buat. Keempat, berlaku penipuan kerana kebanyakan *astroturfing* menggunakan akaun atau identiti palsu. Terakhir, aktiviti ini dirancang dan disusun secara sistematik bermula dari atas ke bawah (*Top-down*).

Berbeza dengan konsep *astroturfing*, *political bots* pula merujuk kepada sub bahagian *social bots* iaitu perkongsian kandungan dan komunikasi dengan masyarakat secara khusus mengenai isu politik (Nonnecke et al., 2021). Jenis *political bots* ini berbeza kerana ia bergantung kepada niat dan matlamat mereka. Menurut Haeg (2017), *political bots* ini terbahagi kepada tiga jenis. Pertama, *Malicious political bots* yang dikhaskan untuk berniat jahat dengan berkongsi maklumat palsu, memprovokasi isu atau menyekat maklumat tertentu. Kedua, *political bots* yang mempunyai sisi baik iaitu mereka yang menumpukan semata-mata untuk berkongsi maklumat politik penting, benar dan relevan, tanpa kesetiaan kepada sesuatu isu atau pihak tertentu dikenali sebagai *saintly political bots*. Jenis *political bots* ketiga ialah *personal political bots* iaitu penggunaan teknologi oleh individu atau ejen politik sebagai lanjutan daripada suara politik mereka. Oleh itu, *political bots* ini boleh dirumuskan sebagai pengguna yang terlibat dalam perkongsian maklumat atau perbincangan politik di media sosial sama ada yang bersifat positif, negatif atau untuk kegunaan peribadi, bergantung kepada tujuan masing-masing.

Manakala, *political sock puppets* pula boleh didefinisikan sebagai akaun pengguna yang dikawal oleh individu lain (atau ketua boneka) (Kumar et al., 2017). Dalam erti kata lain, jika individu mengawal sebilangan akaun pengguna, setiap akaun palsu adalah dikira sebagai *sock puppets*. Kebanyakan *sock puppets* ini akan terlibat dalam perbincangan politik sama ada memanipulasi perbincangan tersebut atau menipu masyarakat. Berdasarkan kepada definisi terminologi *political astroturfing*, *political bots* dan *political sock puppets* di atas, dapat difahami bahawa *political bots* dan *political sock puppets* adalah sebahagian daripada *political astroturfing*. Ini kerana mengikut hujah Bradshaw dan Howard (2017), konsep *political astroturfing* adalah lebih luas merangkumi *bots*, *trolls* dan *sock puppets* di mana mereka diwujudkan bagi mengganggu dan memanipulasi pendapat umum untuk kepentingan politik. Gerakan ini sering dikerahkan untuk membanjiri media sosial atau menyasarkan individu tertentu dengan kempen gangguan. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan kerangka konseptual *political astroturfing* dalam menganalisis pendefinisian politik laskar siber di Malaysia.

Selain kajian berkaitan pendefinisian dan kerangka konseptual, para sarjana Barat juga memfokuskan kepada pelaksanaan dan impak *political astroturfing* ini kepada masyarakat. Contohnya, kajian Keller et al. (2020) menganalisis kempen maklumat palsu yang dikumpulkan oleh South Korean National Information Service (NIS) sewaktu Pilihan Raya Presiden 2012 di dalam Twitter dengan menggunakan metodologi yang dibangunkan sendiri menerusi analisis mesej dan akaun *astroturfing* di Twitter. Kajian ini meskipun hanya dijalankan di Korea Selatan, namun metodologi baharu yang diperkenalkan berupaya mengenal pasti maklumat palsu yang disebarkan oleh akaun-akaun yang dikoordinasi menerusi aktiviti *astroturfing* ini. Kajian ini sedikit berbeza dengan kajian Zerback dan Töpfl (2021) yang mengkaji tentang kesan komen *political astroturfing* ini kepada masyarakat dan solusi terbaik bagi mengurangkan pengaruh mereka. Kajian ini dilaksanakan dengan menganalisis tiga kajian kes iaitu insiden racun bekas pegawai perisik Rusia, penggunaan gas toksik oleh Rusia dan manipulasi sewaktu Pilihan Raya Presiden AS tahun 2016. Hasil kajian ini mendapati bahawa tidak semua komen dari *astroturfing* ini mempengaruhi persepsi awam, namun wujud ketakutan tentang kesan negatif dari maklumat palsu yang disebarkan

kepada umum. Kesemua kajian di atas memberi nilai tambah kepada kajian ini khususnya dalam melihat bentuk pelaksanaan politik laskar siber di Malaysia.

Di Malaysia, terdapat kajian mengenai *astroturfing*, *trolls*, dan laskar siber. Namun, kebanyakan sarjana lebih banyak menggunakan istilah laskar siber. Dalam konteks *astroturfing*, kajian Amirul Adli dan Nur Syafiqah (2023) menggunakan istilah ini bagi menyelidiki tentang gerakan millenarian di Malaysia. Gerakan ini menggunakan *astroturfing* sebagai kaedah utama dalam penyebaran idea perjuangan mereka di media sosial, terutamanya Twitter. Kajian ini menemui sebanyak 368,000 kata kunci yang disiarkan dalam akaun *astroturfing* yang dicipta khusus untuk meyakinkan pengikut mereka untuk menyokong perjuangan ini. Dalam kajian ini juga, penulis mendefinisikan *astroturfing* sebagai amalan mencipta ilusi dalam talian yang menunjukkan sokongan akar umbi meluas untuk kempen tertentu. Manakala, Lee dan Kerr (2020) pula menggunakan istilah *trolls* dalam kajian mereka yang merujuk kepada tindakan menimbulkan reaksi daripada sasaran iaitu orang ramai melalui teknik mengumpan, menipu, gurauan dan provokasi dalam interaksi politik. Antara bentuk *trolls* yang sering digunakan di Malaysia ialah serangan peribadi, penciptaan ruang kritikan, mesej moral, paparan video dan gangguan *meme*. Namun, kajian ini mendapati bahawa laskar siber adalah berbeza dengan *trolls* kerana laskar siber melakukan tindakan membanjiri sosial media dengan maklumat yang direka bagi mempengaruhi persepsi masyarakat. Malah, ada kalanya laskar siber akan menggunakan aktiviti *trolling* ini. Kajian berkaitan laskar siber masih lagi terhad, namun semakin berkembang. Misalnya, Mastura, Siti Zobidah dan Krauss (2021) mengkaji laskar siber dari perspektif kewartawanan. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sama ada wartawan muda mengklasifikasikan diri mereka sama dengan laskar siber dan jaguh siber. Dengan menggunakan kaedah kualitatif menerusi temu bual bersama sembilan wartawan muda, hasil kajian mendapati bahawa mereka menonjolkan diri mereka berbeza dengan *laskar siber* dan jaguh siber. Kajian ini mendefinisikan istilah *laskar siber* selari dengan jaguh siber iaitu mereka yang aktif di sosial media. Namun begitu, kajian ini hanya mentakrifkan istilah *laskar siber* dalam konteks kewartawanan dan bersifat pro kepada wartawan semata-mata tanpa melihat kepada konteks yang lebih luas meliputi semua segmen masyarakat dan politik.

Kajian Johns dan Cheong (2019) dilihat berbeza dengan kajian Siti Zobidah dan Krauss (2020) kerana mereka membincangkan mengenai pilihan raya yang bersih dan adil. Dalam kajian ini, mereka melihat penglibatan anak muda dalam perhimpunan Bersih yang diadakan antara tahun 2011 dan 2016 adalah disebabkan oleh peranan laskar siber. Laskar siber berjaya meningkatkan kemarahan golongan belia terhadap pihak kerajaan dengan memainkan naratif kemerosotan ekonomi, ketidakadilan dalam pilihan raya dan sebagainya. Selain itu, Tiung et al. (2019) turut menyentuh secara ringkas tentang golongan laskar siber dalam kajian mereka, di mana kajian ini menumpukan kepada peranan dan perkembangan media sosial di Malaysia yang bermula sekitar lewat 1990an sebagai saluran alternatif kepada rakyat. Fokus utama kajian ini tertumpu kepada penyebaran berita palsu secara berleluasa dalam kempen pilihan raya 2018. Dalam kajian ini juga membuktikan bahawa kuasa media yang digunakan semasa Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 menerusi khidmat laskar siber menyebabkan buat pertama kalinya dalam sejarah Malaysia berlaku pertukaran kerajaan setelah merdeka. Namun begitu, kajian-kajian ini tidak memperincikan tentang siapakah golongan laskar siber dan hanya menyentuh mengenai penggunaan media sosial dalam politik Malaysia. Kajian ini sangat relevan dengan artikel ini kerana secara tidak langsung ia memudahkan pengkaji untuk melihat peranan yang cuba dimainkan oleh aktor politik dan 'tentera siber' upahan mereka.

Kajian Johns dan Cheong (2019) ini diperkembangkan oleh Cheong (2021) yang melihat perkembangan laskar siber di Malaysia. Menurut Cheong (2021), laskar siber lebih dari sekadar mesin propaganda rahsia kerajaan kerana mereka adalah sebahagian daripada cara kerajaan mengawal kedua-dua ruang dalam talian dan *offline*. Kesemua kajian di Malaysia tentang laskar siber dilihat masih kabur kerana terlalu menumpukan perbincangan kajian kepada dua aspek iaitu kewujudan laskar siber di Malaysia dan amalannya di negara ini. Walau bagaimanapun, kajian-kajian sedia ada tidak menganalisis aspek penting seperti definisi dan tipologi yang dibangunkan berdasarkan perspektif laskar siber dan aktor politik sendiri. Adakah politik laskar siber ini sama dengan konsep *political astroturfing*, *political bots* atau *political sock puppets*? Jika ya, apakah persamaannya? Jika tidak, apakah ciri-ciri yang membezakannya?. Oleh itu, kajian ini akan mengisi kelompangan dalam kajian-kajian lepas dengan memfokuskan kepada pendefinisian konsep, tipologi dan matlamat penubuhan politik laskar siber di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah kualitatif menerusi kajian kes. Instrumen kajian iaitu temu bual secara mendalam bersama dengan 10 informan dalam kalangan laskar siber, ahli akademik, pemimpin politik dan aktivis politik digunakan bagi mendapatkan data. Jumlah informan bagi kajian ini adalah memadai kerana menurut Creswell (2018), salah satu piawaian yang boleh diterima dalam penyelidikan kualitatif ialah membenarkan data mencapai ketepuan di mana ianya telah mencukupi dan tiada maklumat baru yang diperlukan daripada informan kajian. Oleh itu, kajian ini telah mencapai tahap ketepuan data pada informan yang ke-10. Kesemua informan ini dipilih secara persampelan bertujuan dengan mengambil kira pengetahuan, pengalaman dan penglibatan mereka secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan laskar siber di Malaysia. Berikut merupakan maklumat terperinci informan kajian.

Jadual 1: Informan temu bual

Bil	Informan Temu Bual	Jumlah	Ciri-ciri
1	Laskar siber	4	Pemilihan aktivis laskar siber ini adalah berdasarkan penglibatan mereka lebih dari tiga tahun dalam aktiviti ini. Mereka adalah aktivis laskar siber yang pernah terlibat atau masih lagi terlibat dalam aktiviti ini. Aktivis laskar siber yang dipilih ini sebahagian besarnya bergerak di bawah organisasi politik atau individu yang bergerak secara sendirian. Sebahagian informan ini merupakan aktor utama yang banyak menulis atau memuat naik kandungan politik yang bersifat provokasi, maklumat politik yang positif mahu pun negatif.
2	Ahli Politik	2	Pemilihan elit atau pemimpin politik adalah berdasarkan kedudukan mereka dalam kerajaan dan parti politik. Mereka juga adalah pemimpin yang aktif di dalam media sosial dan sering menggunakan platform ini untuk berkomunikasi dengan masyarakat.
3	Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia	1	Merupakan organisasi yang terlibat secara langsung dalam mengawal selia industri telekomunikasi dan media di Malaysia.
4	Ahli Akademik	3	Ahli akademik dipilih dari pelbagai universiti awam di Malaysia yang mempunyai pengetahuan mendalam dan telah menghasilkan banyak artikel jurnal mengenai media dan politik. Pemilihan ahli akademik sebagai informan adalah berdasarkan justifikasi bahawa pendapat mereka dapat memberikan perspektif yang lebih menyeluruh dan seimbang berbanding pandangan kumpulan lain.

Temu bual ini diadakan sekitar bulan Jun 2021 sehingga Februari 2022 secara dalam talian (menerusi Google Meet) kerana pandemik COVID-19 membataskan pergerakan penyelidik. Data yang diperolehi daripada temu bual ini dianalisis secara tematik menggunakan perisian Nvivo 12 dengan membangunkan tema-tema yang relevan hasil daripada kodifikasi awal. Pengkategorian tema diperhalusi agar ianya menepati dan selari dengan objektif kajian. Bagi meningkatkan tahap kebolehpercayaan data dan memperkukuhkan hujah, penyelidik juga melaksanakan semakan silang dengan sumber sekunder seperti buku dan jurnal akademik.

DAPATAN KAJIAN

Definisi Politik Laskar Siber

Istilah *laskar siber* dikatakan berasal di Malaysia dengan merujuk kepada tentera siber yang dibayar bagi menyebarkan propaganda politik di dalam talian (Irma Syarlina, 2021). Namun, menurut Bradshaw dan Howard (2017), istilah ini telah lama di guna pakai di negara lain dan merangkumi konsep yang lebih luas, termasuklah *political bots* dan *political sock puppets*. Oleh itu, berdasarkan kepada kerangka *political astroturfing*, kajian ini akan mendefinisikan istilah politik *laskar siber* menerusi bukti empirikal dari temu bual. Hasil temu bual mendapati, majoriti (8 daripada 10) informan bersetuju bahawa istilah politik *laskar siber* ini boleh didefinisikan sebagai individu atau kumpulan yang dibayar upah oleh aktor politik untuk menyalurkan maklumat dan menyebarkan propaganda politik. Menurut informan 2:

Laskar siber merujuk kepada aktivis yang dibayar bagi menyebarkan propaganda atau fahaman ataupun ideologi mereka di internet atau di dalam talian terutamanya di media sosial. *Laskar siber* diwujudkan untuk menyebarkan propaganda, macam contohnya menyebarkan maklumat bagi tujuan marketing. Ada juga *laskar siber* yang diwujudkan atas dasar-dasar yang tertentu. Mereka juga adalah berbayar serta menggunakan *fake account* dan *pure account*.

Berdasarkan definisi di atas, terdapat tiga elemen utama yang boleh disimpulkan berkenaan *laskar siber* iaitu, aktivis yang dibayar, menyebarkan propaganda dan wujud atas tujuan tertentu. Selain itu, ada juga yang berpandangan bahawa *laskar siber* ini merupakan gerakan sistematik yang membina naratif sendiri untuk memberikan kesedaran masyarakat tentang senario yang berlaku dalam arena politik Malaysia, seperti yang di hujahkan oleh Informan 5:

Troopers likes army. Untuk gunakan *definition* itu *what is Troopers and army.* You first sekali perlu faham *the structure*, dia ada *command*, dia ada *disciplines*. So untuk *qualify* kan orang tu sebagai *laskar siber* dia mesti kena dengan apa yang ada dekat army sebenar. *So what other criteria of army, you must have group, you must have leaders, instructure, you me be have discipline, you must have self-soldiers, clear line of command.* Untuk *laskar siber* tu pun dia kena ada juga, dia kena ada *Troopers* dia kena ada askar. Sebab dia *Cyber Maya once dia have 10 account they have 10 Cyber Maya* dan *instruction* yang dikeluarkan akan sampai kepada diorang dan diorang akan *execute in any army, who get laskar siber*, satu adalah untuk menyerang

orang lain, satu untuk mempertahankan diri, so *I think* benda tu pun *fit* dengan definisi laskar siber.

Berdasarkan pandangan Informan 5 ini, laskar siber ini adalah gerakan yang tersusun seperti barisan ketenteraan di mana ia mempunyai ketua yang memberikan arahan jelas. Selain itu, Informan 1 turut menegaskan bahawa laskar siber ini merupakan agen propaganda yang membina naratif politik bagi menarik perhatian masyarakat. Pada masa yang sama, mereka juga turut memanipulasi isu agar ianya viral atau mendapat populariti tinggi. Hujah ini turut selari dengan pandangan Informan 6 yang menyatakan:

Laskar siber ini adalah orang yang dibayar untuk melakukan serangan pada sesuatu isu. Laskar siber ni adalah kumpulan yang datang dari satu-satu organisasi berbayar yang diberi satu matlamat satu kaedah dan diberi satu modus operandi untuk menyerang sesuatu isu. Laskar siber ada naratif dan matlamat untuk alihkan pandangan orang.

Berdasarkan pandangan Informan 6 di atas, dapat difahami bahawa politik laskar siber ini mempunyai 'modus operandi' yang dirancang awal sama ada untuk membina naratif atau menekan sesuatu isu bagi mempengaruhi pemikiran awam. Namun, menurut Informan 7,

Laskar siber adalah askar siber politik yang dibentuk untuk merosakkan atau mencalarakan imej-imej parti atau pemimpin tertentu dengan niat untuk menjatuhkan mereka.

Berdasarkan kepada definisi-definisi yang diberikan oleh para informan di atas, terdapat beberapa elemen penting yang ditekankan berkaitan laskar siber di Malaysia. Pertama, laskar siber adalah aktivis, gerakan, agen sama ada individu atau berkumpulan yang dibayar oleh aktor politik dengan menggunakan akaun dan identiti palsu. Laskar siber ini dibentuk secara terancang, sistematik dan mempunyai 'modus operandi' yang tersusun dengan tujuan tertentu. Tujuan atau matlamat ini boleh berlaku dalam dua bentuk iaitu matlamat yang baik dengan berkongsi maklumat atau membina naratif bagi meningkatkan kesedaran dan perhatian masyarakat terhadap isu dan senario politik semasa yang berlaku di dalam dan luar negara. Namun, dari sisi lain, laskar siber ini cenderung untuk mempunyai matlamat negatif iaitu menyebarkan propaganda, memprovokasi isu dan berkongsi maklumat palsu untuk menjatuhkan individu atau parti tertentu. Malah laskar siber ini juga berupaya mengancam keselamatan negara apabila mereka mula memainkan sentimen perkauman atau membincangkan isu-isu sensitif yang mampu mengganggu gugat keharmonian masyarakat.

Tipologi Politik Laskar Siber

Tipologi dalam konteks ini bermaksud bentuk-bentuk politik laskar siber iaitu aktor yang terlibat, sasaran kumpulan dan matlamat yang ingin dicapai. Berdasarkan data temu bual yang diperolehi, lebih separuh dari informan (7 daripada 10) bersetuju bahawa aktor utama dalam menggerakkan laskar siber di Malaysia ini ialah parti politik sama ada parti kerajaan atau pembangkang dan individu dalam politik. Individu dalam politik ini mungkin sahaja merupakan ahli parti politik, tetapi bergerak secara sendirian dalam mengupah laskar siber. Selain itu, aktor lain yang juga bertanggungjawab dalam menubuhkan dan menggerakkan

laskar siber ialah badan berkepentingan atau NGOs yang mengejar matlamat politik bagi memastikan kepentingan organisasi mereka tercapai. Menurut Informan 3:

Laskar siber, asasnya mesti kena jadi netizen dulu. Baru boleh dianggap sebagai laskar siber. Sesiapa individu boleh menjadi laskar siber, tetapi kebanyakan laskar siber ini adalah diupah oleh parti-parti politik dan NGO, yang memang ditugaskan, memang ada *task* untuk hentam, mengkritik ada sasaran.

Dalam pernyataan di atas, informan turut menyatakan bahawa tiada syarat untuk menjadi laskar siber di Malaysia ini, tetapi individu yang ingin menjadi laskar siber ini perlu aktif di dalam internet atau menjadi 'netizen'. Siapakah netizen ini? Menurut Lanigan (2016), netizen merujuk kepada individu yang menggunakan komputer dan menyiarkan mesej di World Wide Web (www) tanpa memfokuskan kepada mana-mana penonton (audience). Namun, kebanyakan informan bersetuju bahawa laskar siber ini tidak sama dengan jaguh siber kerana kerangka laskar siber ini lebih luas merangkumi netizen dan jaguh siber. Hujah ini selari dengan pandangan Informan 3 yang menyatakan,

Jaguh siber ni macam orang yang aktif main Facebook, main Twitter semua tu *keyboard warriors* lah. Selalu laskar siber ni berkait dengan politik je.

Kenyataan ini turut disokong oleh Informan 1, iaitu:

The words troopers tu askar maknanya dia ada *culture*. Kalau jaguh siber kita tak tahu, mungkin dia bergerak *on their own*. *Own initiatives*, kalau laskar siber, *you must have structure, you must have institution, you must have leaders, you must have army and you must have bullets*. *Objectives* dia jelas, sebab mana-mana askar pun, mana-mana pasukan keselamatan pun objektif kena jelas. Kalau kita ambil contoh jaguh siber, jaguh siber *means* lain daripada laskar siber daripada definisi sendiri pun, *you will come to be a keyboard warriors or you want to play with it*. Netizen mungkin *wider, everybody who can become a netizen, it will to be fine a correct of netizen*. Netizen ni bagi saya lah mungkin *citizen* atau pun *network*. *Everybody* yang *hook to the networks, hook to the internet is citizen*. Tapi kalau macam kita belajar, kita ada kita punya subset kan, set besar ada lah netizen, dalam netizen tu ada laskar siber atau ada *keyboard warriors*.

Selain itu, terdapat perbezaan ketara antara laskar siber dan *keyboard warriors* di mana kumpulan laskar siber diberi upah lumayan berdasarkan kepada skop tugas yang diberikan kepada mereka berbanding dengan jaguh siber yang bergerak secara sendiri dan tidak diupah oleh mana-mana aktor politik atau organisasi. Oleh kerana laskar siber ini dibayar, maka mereka menerima arahan daripada orang yang memberi upah untuk menyebarkan sesuatu isu, menghentam, mengkritik dan mempunyai objektif yang lebih jelas berbanding dengan jaguh siber. Jaguh siber lebih bebas tanpa kawalan dari mana-mana aktor atau organisasi. Oleh itu, jaguh siber dilihat lebih bersifat non-partisan kerana tidak dipengaruhi oleh unsur politik, seperti yang dinyatakan oleh Informan 6:

Laskar siber adalah pengamal media untuk membuat satu kerja dekat media sosial. Banyak bentuk strategi, laskar siber ni akan menerima arahan daripada orang-orang atasan lah, terima bayaran dan arahan untuk buat sebaran tidak kira melalui WhatsApps, Telegram, Facebook, Twitter itu maksudnya laskar siber. Laskar siber, jaguh siber dan Netizen ni lain. Yang dapat membezakan, laskar siber ini dibayar dan diupah.

Siapakah sasaran sebenar gerakan politik laskar siber ini? Jika dianalisis, perjuangan laskar siber ini bertunjangkan kepada politik semata-mata. Oleh itu, sasaran utama mereka adalah masyarakat secara amnya, dan kelompok politik secara khasnya. Kelompok politik ini adalah termasuk pemimpin, parti-parti politik, kumpulan berkepentingan, pengikut-pengikut pemimpin atau parti dan masyarakat yang sering mengikuti perkembangan politik semasa. Menurut Informan 1,

Laskar siber ini sebenarnya mensasarkan agenda mereka kepada banyak pihak iaitu individu atau parti politik yang ingin mereka jatuhkan, dan pada masa yang sama mereka juga mensasarkan kepada masyarakat dengan mempengaruhi pemikiran mereka menerusi maklumat yang disampaikan. Agenda mereka akan tercapai sekiranya masyarakat mempercayai dan menyokong dan mempunyai sentimen terhadap isu yang dibawa.

Elemen utama yang menjadikan laskar siber ini unik dan mudah mempengaruhi masyarakat adalah kerana laskar siber ini dilihat lebih berstruktur dan tersusun di mana gerak kerja mereka mempunyai objektif yang jelas berbanding dengan jaguh siber, netizen dan istilah-istilah lain yang sering digunakan di Malaysia. Oleh itu, laskar siber adalah gerakan yang lebih kukuh, sistematik dan mempunyai kelangsungan yang lebih panjang berbanding dengan jaguh siber atau netizen. Hal ini disokong oleh Informan 7:

Laskar siber sebenarnya mempunyai kekuatan. Mereka ini merupakan satu gerakan dan juga satu *movement* tersusun, mereka ini tidak seperti *keyboard warriors* dan makcik bawang ataupun netizen. Jaguh siber ataupun netizen adalah tindakan yang tidak tersusun. Satu perkara yang tidak tersusun, mereka tubuh secara *random* dan juga secara neutral di mana berdasarkan isu-isu semasa ataupun berdasarkan keadaan, tetapi apabila kita menyebut berkaitan laskar siber ia merupakan satu *movement* yang tersusun, yang dirancang oleh sesetengah pihak atau sesebuah golongan bagi mempengaruhi sentimen masyarakat umum atau pun untuk mewujudkan satu sentimen dengan sesuatu isu khususnya kepada masyarakat umum lah. Maksud saya apabila satu gerakan yang tersusun, mempunyai satu organisasi dan kebiasaannya mereka ini dibayar atau tidak dibayar, mereka boleh bekerja sebagai laskar siber tetapi mereka ini dibayar. Ada sesetengah yang begitu, bermaksud mungkin mereka ini tidak menggunakan nama sebagai laskar siber tetapi pegawai media dan komunikasi.

Gerakan politik laskar siber boleh bertahan lama dan mempunyai kelangsungan yang panjang kerana mereka mempunyai matlamat yang lebih jelas jika dibandingkan dengan netizen atau jaguh siber. Majoriti informan (9 daripada 10) bersetuju bahawa laskar siber di Malaysia ini bermotifkan politik. Menurut Informan 7:

Setiap parti politik dan hampir kesemua pemimpin politik di Malaysia ini mempunyai kumpulan atau individu yang diupah sebagai laskar siber. Tujuannya adalah untuk menyalurkan maklumat berkaitan kegiatan parti atau pemimpin kepada masyarakat. Ia bagi menunjukkan kepada masyarakat bahawa mereka ini bekerja dan turun padang menjaga kebajikan rakyat. Selain itu, laskar siber yang diupah perlu menepis apa sahaja isu yang melibatkan pemimpin atau parti serta berusaha untuk meningkatkan sentimen masyarakat terhadap isu-isu negatif yang berkait dengan pihak lawan. Oleh itu, gerakan laskar siber ini akan tetap wujud selagi khidmat mereka diperlukan oleh aktor politik.

Hujah ini selari dengan pandangan Bradshaw dan Howard (2017) yang menjelaskan bahawa sekurang-kurangnya sebuah parti politik atau agensi kerajaan dalam setiap negara menggunakan media sosial bagi membentuk pemikiran dan tingkah laku masyarakat. Dalam konteks Malaysia, informan 1 menyatakan bahawa,

Platform yang sering digunakan oleh politik laskar siber ialah media sosial seperti Facebook, Twitter, WhatsApp dan YouTube bagi menggerakkan agenda dan aktiviti mereka.

Oleh kerana perjuangan gerakan ini bersifat politik, maka kebanyakan laskar siber yang diupah ini perlu menjaga privasi, kerahsiaan dan bertindak untuk menyembunyikan identiti mereka dengan menggunakan akaun palsu. Namun, masih ada dalam kalangan laskar siber yang menggunakan akaun asli tetapi bilangannya adalah terhad. Menurut Informan 2,

Laskar siber kebanyakannya menggunakan *fake account*, jaguh siber juga banyak menggunakan *fake account*, tapi ada juga laskar siber yang menggunakan akaun peribadi.

Kebanyakan yang menggunakan akaun peribadi atau identiti sebenar ini merupakan laskar siber yang bekerja untuk parti-parti politik tertentu bagi menyebarkan maklumat kepada masyarakat dan meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada parti tersebut. Mereka ini adalah antara penyokong tegar atau fanatik kepada parti tertentu sehingga mereka tidak kisah sekiranya identiti mereka diketahui umum. Informan 8 menghujahkan bahawa:

Laskar siber ini ada dua kategori individu. Di mana orang yang betul-betul taksu eh, memang dia setia dengan parti politik dia, dengan parti dia, dia memang akan buat kerja-kerja itu. Dia akan mencari kesalahan, dia akan membuat kenyataan yang boleh menjatuhkan seseorang. Dia mesti akan

menggunakan akaun dia yang original sebab bagi dia, dia tak kisah. Bagi dia, dia dibayar.

Namun terdapat juga informan (2 daripada 10) yang menyatakan bahawa laskar siber ini perlu menggunakan akaun asli kerana mereka merupakan figura yang mewakili sesuatu parti politik. Oleh itu, mereka perlu menunjukkan imej yang baik kepada masyarakat. Selain itu, laskar siber cenderung menggunakan akaun sendiri atau akaun asli bagi meningkatkan keyakinan dan kepercayaan umum kepada mereka. Menurut Informan 7,

Laskar siber mereka ada *blogger* ada *influencer* ada penyampai dan mereka dilatih untuk bercakap untuk berhadapan bagaimana melawan hujah laskar siber. Laskar siber menggunakan identiti sendiri untuk membahaskan sesuatu isu dan tidak boleh menggunakan akaun palsu. Jika tidak, siapa yang nak percaya kalau orang menggunakan akaun palsu.

Secara umumnya, kebanyakan laskar siber menggunakan akaun palsu atau bukan identiti sebenar kerana mereka tidak ingin identiti mereka dikenal pasti umum dan takut jika ianya boleh mengancam keselamatan diri mereka. Hujah ini selari dengan Kajian Bradshaw dan Howard (2017) yang menyatakan bahawa akaun palsu dan laskar siber merupakan perkara yang tidak boleh dipisahkan kerana ianya memudahkan proses penyampaian propaganda dan maklumat kepada masyarakat. Tiga jenis akaun palsu utama yang dikendalikan oleh laskar siber adalah melalui bot, manusia dan *cyborg*. Namun, terdapat juga yang laskar siber yang menggunakan akaun curi atau akaun yang telah digodam.

Matlamat Penubuhan Laskar Siber

Setiap gerakan atau kumpulan yang wujud mempunyai tujuan atau matlamat disebalik penubuhannya. Begitu juga dengan pembentukan laskar siber di Malaysia yang turut mempunyai matlamat yang jelas dan tersendiri. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa terdapat tiga perspektif berbeza tentang matlamat penubuhan politik laskar siber di Malaysia yang dapat dilihat berdasarkan pandangan golongan elit, laskar siber dan golongan aktivis. Misalnya, Informan 4 berpendapat bahawa tujuan laskar siber ini diwujudkan adalah,

...untuk merosakkan, mencalarkan imej-imej yang saya sebut tadi supaya dapat memanipulasi pendapat awam.

Pandangan ini turut disokong oleh Informan 7 yang menyatakan bahawa:

Tujuannya adalah untuk mempengaruhi perbualan, jadi setiap hari bila berlaku perbualan, mereka sentiasa mempengaruhi, bila kita bercakap tentang parti politik, tujuannya macam biasalah, parti politik adalah untuk menyampaikan mesej-mesej politik mereka.

Jika dilihat, pandangan golongan elit politik terhadap matlamat penubuhan laskar siber adalah bersifat negatif di mana laskar siber hanya dibayar untuk menjatuhkan individu dan parti politik tertentu serta mempengaruhi pandangan masyarakat kepada isu-isu yang di bawa. Selain itu, golongan elit politik juga melihat laskar siber diwujudkan untuk kepentingan peribadi pemimpin atau parti-parti tentu di mana mereka membayar laskar siber ini untuk

mempertahankan diri dari kecaman, fitnah atau isu-isu yang boleh menjejaskan imej mereka, seperti yang dijelaskan oleh Informan 3,

Number one is to attack people, number two is to defend themselves.

Walau bagaimanapun, pandangan golongan elit politik ini tidak selari dengan pandangan golongan laskar siber sendiri di mana mereka lebih optimistik terhadap matlamat perjuangan dan peranan yang dimainkan oleh laskar siber dalam politik Malaysia. Menurut Informan 2,

Laskar siber bukan orang jahat, orang baik. Orang yang menyampaikan maklumat. Menyampaikan maklumat dengan betul.

Ini bermaksud kewujudan laskar siber mempunyai sisi positif kepada masyarakat kerana gerakan ini berjaya memberi kesedaran kepada masyarakat pada hari ini tentang betapa pentingnya untuk cakna dan peka kepada keadaan politik semasa. Hujah ini turut disokong oleh Informan 8 yang menyatakan bahawa,

...laskar siber bertanggungjawab menjadi agen sebaran maklumat melalui komen, melalui *posting*, melalui segala platform.

Informan 4 juga bersetuju dengan pandangan Informan 1 bahawa laskar siber ini wujud untuk menyampaikan maklumat politik secara langsung kepada masyarakat. Walaupun terdapat sisi negatif laskar siber terutamanya jika melibatkan penyebaran maklumat palsu, fitnah, provokasi dan hasutan, namun kewujudan mereka ini penting bagi meningkatkan *visibility* pemimpin atau parti dan memupuk kesedaran masyarakat tentang politik. Mengikuti pandangan Informan 4:

Orang yang menyampaikan maklumat. Menyampaikan maklumat dengan betul. Laskar siber ini dia membina praktis tertentu untuk membentuk persepsi masyarakat tentang isu. Ada negatif, ada positif. Di *side* kerajaan juga ada laskar sibernya untuk membentuk *positive vibes* supaya masyarakat sedar, supaya masyarakat tahu apa objektif utamanya sebab ini adalah perang media antara kerajaan. Dia macam ni, laskar siber ni bukan untuk orang politik je, orang bisnes ada guna benda-benda macam ni sebab dia adalah perang mesej.

Dari perspektif akademik pula, laskar siber ini hanya bertindak mengikut 'modus operandi' yang telah ditetapkan dan matlamat mereka hanyalah untuk memanipulasi, provokasi dan mengalihkan sesuatu isu kepada masyarakat. Laskar siber juga menggunakan pelbagai bentuk mesej dan strategi tarikan untuk berkomunikasi dengan pengguna dalam talian dan bertindak memanipulasi 'jalan cerita' sebenar. Hal ini dibuktikan daripada dapatan yang diberikan Informan 6:

Laskar siber ini diorang di bayar diorang ada objektif dan matlamat. Laskar siber ni adalah kumpulan yang datang dari satu-satu organisasi berbayar yang dibayar di beri satu matlamat satu kaedah dan diberi satu modus operandi untuk menyerang sesuatu isu. Laskar siber ada naratif dan matlamat untuk alihkan pandangan orang.

Manakala, golongan aktivis politik juga memberikan pendapat yang sama dengan golongan elit dan akademik di mana mereka melihat kewujudan laskar siber di Malaysia dari sisi yang negatif. Ini kerana Gerakan laskar siber ini ditubuhkan bertujuan untuk mempromosikan seseorang individu atau parti dengan menjatuhkan imej pihak lawan dan membentuk persepsi masyarakat terhadap isu-isu politik. Misalnya, Informan 5 menghujahkan bahawa:

Tujuan mereka menaikkan nama ataupun merosakkan imej seseorang, menaikkan isu ataupun melawan isu, ataupun membuat berita-berita persepsi supaya rakyat terikut dengan mereka. Laskar siber *more* kepada bidang politik.

Pandangan ini turut disokong Informan 1 yang menyatakan bahawa:

Laskar siber bertanggungjawab menahan hujah, menepis segala tohmahan yang datang. Jika Laskar siber ini tidak wujud banyakkah anasir-anasir luar datang untuk menyerang.

Walaupun laskar siber ini sering dilihat negatif dan kewujudan mereka hanya memberi ancaman kepada keharmonian masyarakat, namun gerakan ini perlu ada dan penting bagi memastikan agar fitnah dan tohmahan kepada individu dan parti politik tertentu tidak memberikan impak yang besar kepada kestabilan politik negara. Antara tujuan lain penubuhan laskar siber ini mengikut pandangan golongan aktivis ialah menjadi penghubung antara aktor politik, terutamanya kerajaan dengan masyarakat menerusi penyebaran maklumat. Menurut Informan 6:

Laskar siber merupakan salah satu daripada konsep yang digunakan untuk menyampaikan mesej, ada relation, ada perhubungan dengan politik ataupun ada perhubungan dengan kuasa dan juga ia bertujuan untuk menyampaikan *message*, sama ada menyampaikan mesej yang positif ataupun menyampaikan mesej yang negatif, bukan setakat untuk menyampaikan mesej tetapi untuk mempengaruhi *society* atau pun mempengaruhi sudut pandang masyarakat umum itu sendiri.

Terdapat dua bentuk mesej yang disampaikan oleh gerakan laskar siber kepada masyarakat, iaitu: Mesej positif dan mesej negatif. Mesej positif ini merujuk kepada maklumat politik yang diperolehi dari aktor politik untuk disebarkan kepada masyarakat bertujuan untuk meningkatkan cakna terhadap isu-isu semasa yang berlaku. Contohnya, berita pemimpin turun melawat kawasan banjir. Namun, laskar siber juga bertanggungjawab menyebarkan mesej palsu, fitnah dan hasutan bertujuan untuk mempengaruhi pemikiran masyarakat,

seperti yang dijelaskan oleh Informan 10 iaitu laskar siber ada naratif dan matlamat untuk alihkan pandangan orang.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Definisi atau konsep politik laskar siber dilihat selari dengan konsep *political astroturfing* yang diperkenalkan oleh Kovic et al. (2018), Schoch et al. (2022) dan Walker (2014) kerana ianya memenuhi lima elemen yang ditekankan dalam konsep ini. Politik laskar siber boleh disimpulkan sebagai individu atau kumpulan yang diberi bayaran oleh aktor politik untuk menyebarkan maklumat, propaganda atau provokasi isu secara sistematik dan terancang dengan tujuan tertentu. Konsep laskar siber ini berbeza dengan netizen, 'makcik bawang' dan jaguh siber. Namun, mereka merupakan sebahagian daripada laskar siber. Netizen ialah warga digital yang berkomunikasi untuk mendapatkan maklumat dan berkongsi idea (David, Kuang & Tayyebian, 2016). Manakala, 'tentera bawang' merujuk kepada netizen yang menyerang akaun individu atau laman sosial (Muhammad Adnan & Siti Zobidah, 2019), dan jaguh siber pula sinonim dengan pembuli siber kerana terlibat dalam tingkah laku agresif dan provokatif dalam talian (Sarina et al., 2020).

Platform utama laskar siber ialah saluran digital menerusi media sosial kerana ia lebih bebas dari kawalan kerajaan (Biegel, 2001). Media sosial juga lebih efektif daripada media konvensional yang cenderung memaparkan sisi positif kerajaan dan menyampaikan maklumat yang sehaluan dengan aspirasinya. Keterbatasan ini menyebabkan saluran media sosial lebih aktif digunakan oleh pemimpin dan masyarakat, khususnya pada pilihan raya. Ini telah terbukti semasa PRU 2008 di mana parti politik terutamanya blok pembangkang melancarkan perang siber dengan membina rangkaian sokongan menerusi laman sesawang, blog politik dan jaringan sosial.

Selain itu, politik laskar siber juga memenuhi ciri kedua, *political astroturfing* iaitu ianya dibangunkan oleh aktor politik dengan membayar upah kepada individu atau kumpulan tertentu untuk menggerakkan misi mereka sama ada menggunakan identiti palsu atau identiti sebenar. Misalnya, Rosmah Mansor yang merupakan isteri mantan perdana menteri, membelanjakan hampir RM100 ribu sebulan bagi membiayai satu pasukan laskar siber yang bertindak untuk memantau kandungan media sosial yang memberikan persepsi negatif terhadapnya (Ahmad Johari, 2020). Elemen ketiga iaitu aktiviti *astroturfing* ini adalah aktiviti yang dibuat-buat dengan menonjolkan ekspresi yang tidak jujur, masih lagi dilihat kabur dalam konteks laskar siber di Malaysia. Ini kerana tiada dalam dapatan atau definisi-definisi di atas yang menyatakan tentang elemen ini meskipun dari pandangan laskar siber sendiri. Bagi elemen keempat iaitu penipuan, *astroturfing* dan laskar siber jelas mempunyai ciri ini kerana kebanyakan mereka menggunakan banyak akaun dengan identiti yang berbeza dan palsu. Di sini istilah laskar siber dilihat selari juga dengan konsep *political sock puppets* di mana selalunya laskar siber ini memiliki lebih dari satu akaun media sosial palsu bagi mengelirukan pihak berkuasa dan masyarakat. Menurut Liu et al. (2016), *sock puppets* adalah akaun pengguna yang dikawal oleh individu yang mempunyai pelbagai akaun lain atau dikenali sebagai boneka. Oleh itu, sukar untuk menjejaki identiti laskar siber ini kerana mereka tidak menggunakan identiti asli. Selain itu, seperti *astroturfing*, laskar siber juga merupakan organisasi atau gerakan tersusun yang dirancang kerana mereka akan bertindak mengikut arahan yang diberikan oleh ketua boneka mereka iaitu aktor politik. Ini bermaksud, politik laskar siber adalah bersifat *top-down* iaitu gerakan dari atas ke akar umbi.

Dalam konteks tipologi laskar siber, gerakan laskar siber ini dibiayai oleh aktor politik termasuk parti, pemimpin, atau kumpulan berkepentingan bagi menggerakkan agenda politik mereka. Oleh kerana gerakan ini dibiayai dan diupah oleh aktor politik, maka matlamat atau tujuan utama mereka adalah bersifat politik. Menurut Leong (2015), kebanyakan parti politik terutamanya BN dan PH telah merekrut laskar siber mereka untuk terlibat dalam peperangan psikologi dalam talian. Ia bertujuan untuk bersaing bagi meraih sokongan masyarakat. Selain itu, gerakan politik laskar siber ini dibangunkan secara terancang dan tersusun bermula dengan arahan dari atas ke peringkat akar umbi (*top-down*). Sasaran utama mereka adalah untuk mempengaruhi pemikiran masyarakat umum menerusi isu atau naratif yang dibawa dan pada masa yang sama, mereka juga sebenarnya menyasarkan untuk menjatuhkan pihak lawan. Dapatan ini selari dengan hujah Chinnasamy dan Manaf (2018) iaitu serangan di media sosial oleh laskar siber pada pilihan raya telah mewujudkan politik kebencian antara penyokong kedua-dua pihak kerajaan dan pembangkang di laman sosial. Politik kebencian ini jika tidak dikawal, berupaya mengancam kestabilan politik di Malaysia. Bagi menyembunyikan identiti demi menjaga privasi dan keselamatan, kebanyakan laskar siber ini akan menggunakan akaun media sosial palsu. Hujah ini menyokong dapatan Nuurrianti dan Ika Karlina (2019) yang mendapati bahawa laskar siber di Malaysia mewujudkan beribu akaun sosial media palsu yang menyebarkan isu-isu sensitif, termasuk isu 3R bagi menyemarakkan kemarahan masyarakat terhadap parti lawan.

Bagi matlamat penubuhan laskar siber ini, berdasarkan dapatan yang diperolehi, terdapat dua perspektif berbeza mengenai matlamat penubuhan laskar siber di Malaysia. Pertama, wujud pandangan positif berkaitan matlamat penubuhan gerakan ini daripada golongan laskar siber sendiri. Mereka melihat kewujudan mereka sebagai signifikan kerana gerakan ini memainkan peranan sebagai agen penyebaran maklumat yang berupaya meningkatkan kesedaran dan pengetahuan politik masyarakat. Gerakan laskar siber ini juga dilihat semakin penting dalam kempen pilihan raya bagi membantu parti menyebarkan maklumat dalam rangkaian media sosial (Junaidi et al., 2014). Dari sudut pandang berbeza, kebanyakan informan yang terdiri dari ahli politik, akademik dan aktivis politik menyuarakan ketidakpuasan hati mereka terhadap tujuan penubuhan dan etika profesionalisme laskar siber. Mereka melihat gerakan ini sebagai perosak imej negara, khususnya kepada masyarakat. Ini kerana, menurut Ahmad Sauffiyan (2019), *laskar siber* politik sering menggunakan leksikal bahasa yang kurang sopan sehingga berupaya mempengaruhi pemikiran politik masyarakat, di samping menghakis nilai-nilai murni dan etika pengguna media siber. Oleh itu, cabaran utama yang perlu dilakukan kerajaan ialah memastikan laskar siber mengikut etika dan profesionalisme media dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menyelidiki konsep laskar siber dengan memfokuskan analisisnya kepada definisi, tipologi dan matlamat penubuhan gerakan ini mengikut kerangka konseptual *political astroturfing*. Ketiadaan konsep yang jelas tentang laskar siber menyebabkan masyarakat tidak memahami definisi dan peranan laskar siber sehingga mereka beranggapan bahawa istilah laskar siber ini sama dengan jaguh siber dan netizen. Dapatan dari kaedah temu bual yang dijalankan bersama informan seperti laskar siber, ahli politik, ahli akademik dan aktivis politik merumuskan tiga penemuan utama. Pertama, konsep politik laskar siber adalah sinonim dengan konsep *political astroturfing* yang telah lama digunakan di negara Barat. Namun, istilah ini tidak hanya eksklusif digunakan di Malaysia

sahaja, tetapi negara Asia Tenggara lain seperti Indonesia juga menggunakan istilah yang sama. Politik laskar siber ialah satu gerakan sistematik yang diupah oleh aktor politik, mempunyai 'modus operandi' untuk menyebarkan maklumat politik, melakukan kempen untuk memburukkan pihak lawan, mempengaruhi pemikiran masyarakat dan akhir sekali membuat gangguan di media sosial. Kedua, istilah politik laskar siber adalah luas merangkumi konsep netizen dan jaguh siber. Namun kewujudan laskar siber ini hanya berasaskan politik semata-mata. Oleh itu, mereka perlu menjaga privasi dan keselamatan mereka dengan menggunakan akaun atau identiti palsu. Dapatan terakhir menunjukkan bahawa gerakan laskar siber ini perlu dan penting diwujudkan bagi memberi kesedaran politik kepada masyarakat. Namun, tidak kurang juga yang melihat penubuhan laskar siber ini dari sisi negatif di mana ianya berupaya mengancam keselamatan negara menerusi penyebaran maklumat palsu yang mampu mengganggu gugat sensitiviti masyarakat. Implikasi kajian menunjukkan bahawa ketiadaan definisi yang jelas mengenai laskar siber menyebabkan gerakan ini sentiasa dipandang negatif dan masyarakat sering beranggapan bahawa laskar siber ini sama dengan jaguh siber dan netizen. Menerusi kajian ini, konsep laskar siber telah diperincikan dengan jelas termasuk juga tipologi dan matlamat penubuhan mereka. Oleh itu, kerajaan dan badan bukan kerajaan perlu bekerjasama untuk memberikan pendidikan keselamatan siber kepada masyarakat agar mereka memahami dengan jelas definisi dan kepentingan laskar siber. Selain itu, penguatkuasaan akta drakonian seperti akta Hasutan 1948, akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA), dan akta Komunikasi dan Multimedia 1998 adalah salah satu usaha yang boleh diambil bagi mengekang kesalahan jenayah siber dan masalah ruang siber yang semakin terbuka di Malaysia.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental FRGS/1/2020/SS0/UPSI/02/07 (Kod: 2020-0226-106-102) dan disokong oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris.

BIODATA

Nurul Iwan merupakan pelajar Sarjana Sastera (Pengajian Malaysia) di Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: nurulimaniwan@gmail.com

Norhafiza Mohd Hed merupakan pensyarah kanan dalam bidang Sains Politik di Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: norhafiza@fsk.upsi.edu.my

RUJUKAN

- Ahmad Johari Mohd Ali. (2020, September 9). Rosmah biayai RM100,000 sebulan pasukan cybertrooper. *Berita Harian Online*.
<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/09/729516/rosmah-biayai-rm100000-sebulan-pasukan-cybertrooper>
- Ahmad Sauffiyani Hasan. (2019). Pendemokrasian media dan cabaran keselamatan dalam era digital. *Jurnal Komunikasi: Malaysia Journal of Communication*, 35(1), 237-251.
- Amirul Adli Rosli, & Nur Syafiqah. (2023). *Not yet the end of the world: Tackling Malaysian muslim millenarianism in the age of social media*. Singapore: ISEAS Perspective.
<https://www.iseas.edu.sg/articles-commentaries/iseas-perspective/2023-30-not-yet-the-end-of-the-world-tackling-malaysian-muslim-millenarianism-in-the-age-of-social-media-by-amirul-adli-rosli-and-nur-syafiqah/>
- Arugay, A. A. (2022). *Stronger social media influence in the 2022 Philippine elections*. Singapore: ISEAS Perspective. <https://www.iseas.edu.sg/articles-commentaries/iseas-perspective/2022-33-stronger-social-media-influence-in-the-2022-philippine-elections-by-aries-a-arugay/>
- Biegel, S. (2001). *Beyond our control? Confronting the limits of our legal system in the age of cyberspace*. Massachusetts: MIT Press.
- Blank, G., & Reisdorf, B. C. (2012). The participatory web: A user perspective on Web 2.0. *Information, Communication & Society*, 15(4), 537-554. <https://doi.org/gndjd5>
- Bradshaw, S., & Howard, P. (2017). *Troops, trolls and troublemakers: A global inventory of organised social media manipulation*. Oxford, England: University of Oxford Press.
- Cheong, N. (2021). Internet-led political journalism: Challenging hybrid regime resilience in Malaysia. In Morrison, J., Birks, J., & Berry, M. (Eds.), *The Routledge companion to political journalism*. London: Routledge.
- Chinnasamy, S., & Manaf, N. A. (2018). Social media as political hatred mode in Malaysia's 2018 General Election. *SHS Web Conf.*, 12, 02005. <https://doi.org/ksds>
- Chomsky, N., & Herman, E. S. (1994). *Manufacturing consent: The political economy of the mass media*. England: Vintage Publishing.
- Creswell, J. W. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- David, M. K., Kuang, H., & Tayyebian, N. (2016). The creativity of Malaysian netizens in using curse words. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 3(1), 123-136.
- Haeg, J. (2017). The ethics of political bots: Should we allow them for personal use? *Journal of Practical Ethics*, 5(2), 85-104.
- Irma Syarlina Che Ilias. (2021). 'Cybertroopers' dan implikasinya. *Root of Science*.
<https://rootofscience.com/blog/2021/sains-komputer/cybertroopers-dan-implikasinya/>
- Johns, A., & Cheong, N. (2019). Feeling the chill: Bersih 2.0, state censorship, and "networked affect" on Malaysian social media 2012–2018. *Social Media + Society*, 5(2).
<https://doi.org/10.1177/2056305118821801>
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali, & Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar'. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(4), 28-38.

- Keller, F. B., Schoch, D., Stier, S., & Yang, J. (2020). Political astroturfing on twitter: How to coordinate a disinformation campaign. *Political Communication*, 37(2), 256-280. <https://doi.org/10.1080/10584609.2019.1661888>
- Kovic, M., Rauchfleisch, A., Sele, M., & Caspar, C. (2018). Digital astroturfing in politics: Definition, typology and countermeasures. *Studies in Communication Sciences*, 18(1), 69-85. <https://doi.org/10.24434/j.scoms.2018.01.005>
- Kumar, S., Leskovec, J., Cheng, J., & Subrahmanian, V. S. (2017). An army of me: Sockpuppets in online discussion communities. *Proceedings of the 26th International Conference on World Wide Web*, pp. 857-866. <https://doi.org/10.1145/3038912.3052677>
- Lanigan, R. L. (2016). Netizen. In B. Warf (Ed.), *The SAGE encyclopedia of the internet*. Beverly Hills, CA: SAGE.
- Lee, C. A. L., & Kerr, E. (2020). Trolls at the polls: What cyberharassment, online political activism, and baiting algorithms can show us about the rise and fall of Pakatan Harapan (May 2018-February 2020). *First Monday*, 25(6). <https://doi.org/ksdv>
- Leong, P. (2015). Political communication in Malaysia: A study on the use of new media in politics. *Journal of eDemocracy*, 7(1), 46-71.
- Liu, D., Wu, Q., Han, W., & Zhou, B. (2016). Sock puppet gang detection on social media sites. *Frontiers of Computer Science*, 10(1), 124-135.
- Mastura Mahamed, Siti Zobidah Omar, & Krauss, S. E. (2021). Is citizen journalism to keyboard warriors and cybertroopers? An exploration and meaning form citizen journalist experience. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(6), 813-830. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v10-i6/7376>
- Muhammad Adnan Pitchan, & Siti Zobidah Omar. (2019). Dasar keselamatan siber Malaysia: Tinjauan terhadap kesedaran netizen dan undang-undang. *Jurnal Komunikasi: Malaysia Journal of Communication*, 35(1), 103-119.
- Nonnecke, B., Perez de Acha, G., Choi, A., Crittenden, C., Gutierrez Cortes, F. I., Martin Del Campo, A., & Miranda-Villanueva, O. M. (2021). Harass, mislead, & polarize: An analysis of Twitter political bots' tactics in targeting the immigration debate before the 2018 U.S. midterm election. *Journal of Information Technology & Politics*, 19(4), 423-434. <https://doi.org/10.1080/19331681.2021.2004287>
- Nuurrianti Jalli, & Ika Karlina Idris. (2019). Fake news and elections in two Southeast Asian nations: A comparative study of Malaysia general election 2018 and Indonesia presidential election 2019. *Proceedings of the International Conference of Democratisation in Southeast Asia (ICDeSA 2019)*, pp. 138-148. <https://doi.org/kdfx>
- Samsudin Rahim. (2018). Social media and political marketing: A case study of Malaysia during the 2018 General Election. *Proceedings of the 5th International Conference on Social and Political Sciences (IcoSaPS 2018)*, pp. 223-226. <https://doi.org/ksdw>
- Sarina Yusuf, Khairuddin Idris, Asnarulkhadi Abu Samah, Adamkolo Ibrahim, Nor Sabila Ramli, Muhamad Shamsul Ibrahim, & Nur Atikah A. Rahman. (2020). Keyboard warrior, online predator or cyber bully? The growing menace of child exposure to internet harm based on research evidence. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 28(2), 1291-1309. <http://www.pertanika.upm.edu.my/pjsch/browse/regular-issue?article=JSSH-4325-2019>
- Schoch, D., Keller, F. B., Stier, S., & Yang, J. (2022). Coordination patterns reveal online political astroturfing across the world. *Scientific Reports*, 12(1), 4572. <https://doi.org/ksdx>

- Tapsell, R. (2018). The smartphone as the “Weapon of the weak”: Assessing the role of communication technologies in Malaysia’s regime change. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 9–29. <https://doi.org/10.1177/186810341803700302>
- Tiung, L. K., Idris, R. Z., & Idris, R. (2019). Propaganda dan disinformasi: Politik persepsi dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) Malaysia. *Jurnal Kinabalu*, 171-198. <https://doi.org/10.51200/ejk.vi.1648>
- Walker, E. T. (2014). *Grassroots for hire: Public affairs consultants in american democracy*. Cambridge, MA: Cambridge University Press.
- Zerback, T., & Töpfl, F. (2021). Forged examples as disinformation: The biasing effects of political astroturfing comments on public opinion perceptions and how to prevent them. *Political Psychology*, 43(3), 399-418. <https://doi.org/10.1111/pops.12767>